

Kerajaan prihatin kenaikan harga barang - Ismail Sabri

Oleh MAISARAH SHEIKH RAHIM
maisarah.rahim@mediamulia.com.my

PUTRAJAYA: Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob memberi jaminan kerajaan amat prihatin tentang kenaikan harga barang pada masa ini.

Untuk itu, Perdana Menteri berkata, beliau akan memperkerusi mesyuarat Majlis Tindakan Sara Hidup Negara (NACCOL) dalam masa terdekat bagi mendapatkan penjelasan terperinci.

“Kerajaan komited memastikan isu ini segera ditangani

demi kesejahteraan Keluarga Malaysia,” katanya di Twitter, semalam.

Dewan Perniagaan Melayu Malaysia (DPMM) semalam menjangka semua barang tanpa mengira jenis akan mengalami kenaikan harga luar biasa selepas sambutan Tahun Baharu Cina bulan depan.

Perkara itu dibangkitkan Presiden DPMM, Abd. Halim Husin yang memberitahu, kenaikan harga barangan itu didorong lonjakan kos pengangkutan lebih sekali ganda selepas bencana banjir khususnya di

Lembah Klang pada Disember lalu.

Dengan kenaikan mendadak itu, pihaknya menjangka harga barangan juga akan naik bagi memastikan pengeluar masih mendapat keuntungan daripada penjualan barangan selepas kawasan Shah Alam terjejas teruk banjir baru-baru ini yang merupakan antara kawasan pengeluar terbesar di Malaysia.

Justeru, mereka terkesan dengan bencana itu pasti akan menaikkan harga selepas situasi banjir.

Susulan itu, DPMM meminta

kerajaan mengambil tindakan proaktif bagi mengawal harga barangan daripada pengeluar dan pengguna supaya lebih berpatutan.

Media sebelum ini melaporkan, tekanan kos sara hidup disebabkan kenaikan harga barang, makanan dan perkhidmatan asas terus membelenggu kebanyakan rakyat sejak negara dilanda wabak Covid-19.

Kenaikan harga bukan sahaja melibatkan barangan runcit tetapi ‘merebak’ kepada harga makanan asas seperti ayam mentah dan sayur-sayuran.